

# DAKWAH MELALUI PENDIDIKAN: *Kajian terhadap Orang Asli di Daerah Alor Gajah*

**Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: faizubaidah@uitm.edu.my

**Abdul Ghafar Don**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: a.g.don@ukm.edu.my

**Suhaila Sharil**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: suhaila.sharil@uitm.edu.my

**Nasif Sidquee Pauzi**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: nasifsidquee@uitm.edu.my

**Muhammad Noor Hussin**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: muhammadnoor@uitm.edu.my

## **Abstrak**

*Dakwah melalui pendidikan adalah penggerak dalam dunia realiti untuk menjayakan segala gerakan dakwah Islamiyah. Kajian ini melihat keberkesanan dakwah melalui pendidikan dalam dakwah Islamiyah terhadap masyarakat Orang Asli. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menjalankan kajian perpustakaan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kajian lapangan yang meliputi pemerhatian dan temubual. Temu bual di lakukan dengan menemu ramah pegawai di JAKOA dan pegawai dakwah JAIM. Analisis data kajian ini menunjukkan bahawa dakwah melalui pendidikan banyak memberi kesan kepada Orang Asli. Dapatan kajian ini seterusnya menunjukkan dakwah melalui pendidikan kepada Orang Asli sangat penting bagi memastikan bahawa masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan beberapa metode seperti pengisian dan bimbingan yang berterusan bagi menarik minat yang lebih mendalam tentang ajaran Islam.*

**Kata Kunci:** *Dakwah, Pendidikan, Orang Asli*

## **Abstract**

*Da'wah through education is a driving force in the realm of reality to promote all Islamic da'wah movements. This study looks at the effectiveness of da'wah through education in Islamic preaching to the indigenous people community. To achieve the study objectives, reviewers carry out a library study. Other than that, The reviewer also uses a field study which includes observation and periodicals. Gathering is done by meeting friendly employees at JAKOA and JAIM da'wah employees. Analysis of the data of this study shows that da'wah through education gives many impressions to the Orang Asli. The results of this study show that proselytizing through education to indigenous people is very important to ensure that the problems faced can be overcome by several methods such as filling and ongoing guidance to attract deeper interest in Islamic teachings.*

**Keywords:** *Da'wah, education, indigenous people*

## **PENDAHULUAN**

Kewajipan menegakkan syiar Islam adalah tanggungjawab yang difardhukan ke atas setiap umat Islam. Sewajarnya orang-orang yang mempunyai keilmuan Islam menyampaikan ajaran tersebut kepada mereka yang belum

mengetahuinya dan orang-orang yang memerlukan bimbingan. Kewajipan tersebut menjadi satu kefardhuan kepada setiap umat Islam untuk memelihara kesinambungan dan kemurnian ajaran Islam. Orang-orang yang beriman hendaklah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan itu dan mereka pasti akan

memperoleh kemenangan serta kejayaan sebagaimana firman Allah s.w.t bermaksud:

*“Dan bendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”. (al-Qur'an, Surah Ali-Imran 3 : 104)*

Ayat ini juga menjelaskan juga bahawa dalam dakwah proses pendidikan pasti berlaku. Ungkapan ini lebih dikenali sebagai pendidikan Islam, yang mana pendidikan ini adalah salah satu jalan untuk berdakwah dan memperkembangkan Islam. Sama ada dakwah pendidikan tersebut adalah dalam bentuk seminar, simposium, ceramah, kursus bimbingan dan pengajaran dan sebagainya.

## KAJIAN LEPAS

Di antara kajian lepas ialah “Peranan Majlis Guru Pelatih dan Kesannya Terhadap Dakwah Islamiah: Kajian di maktab Perguruan Islam” yang ditulis oleh Sodah binti Ahamad pada tahun 1998. Kajian tersebut berkaitan dengan peranan dan kesannya terhadap dakwah Islamiah. Kajian tersebut bermatlamatkan untuk melihat peranan majlis guru pelatih dalam meningkatkan dakwah Islamiah di Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor Darul Ehsan. Kajian tersebut berdasarkan tiga andaian iaitu Majlis Guru pelatih boleh membantu meningkatkan dakwah dalam kalangan guru pelatih, program majlis guru pelatih tidak memberi kesan yang positif terhadap peningkatan dakwah dan kerjasama dari pelbagai pihak boleh membantu majlis guru pelatih berfungsi dengan berkesan. Hasil kajian tersebut pelatih dapat membantu, memberi kesan dan dapat memberi kerjasama pelbagai pihak yang dapat membantu meningkatkan dakwah dalam kalangan guru.

Pendidikan Para Da'i: Suatu Kajian Terhadap Pendidikan Kader Ulama (PKU) Majelis Ulama Indonesia pada tahun 1997 yang dikaji oleh Syaiful Khan. Kajian ini tentang bagaimana perlaksanaan dan keberkesanan pendidikan para da'i yang dijalankan majlis Ulama Indonesia melalui jawatankuasa yang disebut

dengan badan penyelenggaraan pendidikan kader ulama majlis ulama Indonesia (PKUMUI). Hasil penelitian tersebut PKU sangat diperlukan dalam melahirkan para pelaksanaan dakwah Islamiah yang diharapkan mampu membawa masyarakat kepada pola kehidupan Islam berdasarkan Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 Negara Republik Indonesia.

Halim Mokhtar telah menulis kajiannya bertajuk “Penerimaan Dakwah Islamiah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Di Pulau Carey Banting, Selangor Darul Ehsan” pada tahun 2003. Dalam kajian tersebut beliau mengkaji penerimaan masyarakat Orang Asli dari segi pengetahuan mengenai Islam dan sikap mereka terhadap Islam. Selain itu beliau juga mengkaji penyertaan masyarakat Orang Asli dalam program-program yang dianjurkan oleh organisasi Islam, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi masyarakat Orang Asli untuk menerima dan menolak dakwah Islamiah dan juga melihat usaha-usaha dakwah Islamiah yang dijalankan terhadap Orang Asli. Dalam kajian beliau menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Orang Asli tidak terdedah dengan maklumat sebenar mengenai ajaran Islam dan tidak mengikuti program yang dianjurkan oleh organisasi-organisasi dakwah justeru itu menyebabkan penerimaan dakwah Islamiah terbatas kepada kelompok tertentu sahaja.

Terdapat tulisan dan kajian yang membincangkan tentang peranan dan kesan dakwah, penerimaan dakwah dalam kalangan Orang Asli, pendidikan para da'i, metode, cabaran dan harapan dakwah. Semua kajian yang disebutkan di atas banyak membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini khususnya sebagai gambaran awal.

## *Dakwah Melalui Pendidikan*

Dakwah bererti seruan, panggilan dan ajakan (Louis Ma'luf, 1927 : 216, Anthony Salmone 1972 : 323-324). Maksud dakwah di sini ialah seruan kepada seluruh manusia terhadap sesuatu perkara dan menggalakkan mereka bagi mendapatkan sesuatu hasil. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Yunus ayat 25 bermaksud:

*"(Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan dia sentiasa memberi petunjuk hidayahnya kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu)".*

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah menyeru manusia supaya patuh dan taat kepadaNya bagi mendapat tempat yang selamat iaitu syurga kerana kepada sesiapa yang berada di dalamnya akan selamat dari kesengsaraan. Oleh itu dakwah dari sudut bahasa bererti seruan dan menuntut supaya menyempurnakan urusan masyarakat atau bekerjasama melaksanakannya (Abd. Al-Naim Muhammad Husni 1482 H : 17)

Dakwah ialah gerakan pembangunan yang dilakukan dalam rangka amar makruf dan nahi mungkar supaya wujud kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat (Shamsul Bahri Andi Galigo 2006:1). Definisi ilmu dakwah menurut Islam juga ialah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat (Toha Jahja Omar 1971:1).

Abd Aziz Mohd Zin (1999) telah memetik pandangan Prof. H.M. Ariffin iaitu sesuatu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sadar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individu mahupun secara kelompok agar supaya timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengalaman terhadap ajaran agama sebagai mesej yang disampaikan kepadanya tanpa ada unsur-unsur paksaan (Abd Aziz Mohd Zin 1999:16).

Manakala pendidikan dari segi bahasa Arab terdiri daripada beberapa perkataan asalnya tarbiyah iaitu mengasuh dan mendidik (Ibn Mandhur, 1997 : 207/12; al-Bustani, 1956: 229), *tarbib* iaitu menjaga, mengasuh, mendidik, dan membaiki (Ibn Mandhur, 1997: 401/1; al-Bustani, 1956: 229/1), *tadib* iaitu mengajar beradab, melatih, dan menyeksa (Ibn Mandhur, 1997: 206/1), *tadris* iaitu menjadikan belajar (Ibn Mandhur, 1997: 79/6), *talim* iaitu belajar dan mempelajari (Ibn Mandhur, 1997: 416/2), *tazkiyah* iaitu berkembang, bertambah, menyucikan dan membaiki (al-Bustani, 1956: 287), dan *riyadah*

iaitu melatih atau menjadikannya dikuasai dan mengikut arahan (Ibn Mandhur, 1997: 163/7).

Di dalam al-Quran yang menguatkan lagi maksud pendidikan ialah membahaskan tentang kejadian manusia yang asalnya dalam keadaan jahil dan tidak mempunyai ilmu pengetahuan, kemudian dengan kehendak Allah s.w.t. memberikan didikan dan pengajaran kepada manusia pertama iaitu nabi Adam a.s. dengan firman Allah s.w.t. bermaksud:

*"Dan ia telah mengajarkan nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepadaku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar" (al-Qur'an, Surah al-Baqarah 2 : 31).*

Ayat ini menjelaskan bahawa bagaimana Allah s.w.t. mengajar nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dunia yang bakal dihuninya. Tugas pengajaran ini untuk kemudahan baginda dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat.

Di dalam hadith pula, berkaitan dengan pendidikan oleh Rasulullah yang menggunakan perkataan adab dalam sebuah hadith bermaksud:

Daripada Anas bin Malik menceritakan tentang Rasulullah s.a.w. yang bersabda: *"Muliakanlah anak-anakmu dan perbaiki adab mereka"* (Ibn Majah 1954, 1211/2).

Ibn Mandhur menjelaskan bahawa yang dinamakan dengan adab itu adalah kerana adab itu mengajak manusia kepada perkara yang dipuji dan mencegah mereka daripada perkara yang dikeji (Kamarul Azmi, 2002: 102). Seajar dengan kewajipan seorang Muslim atau pendakwah menyeru kepada kebaikan, memerintah mengerjakan kebaikan dan melarang berbuat mungkar yang dikaitkan dengan firman Allah s.w.t. bermaksud:

*"Kamu (wahai umat Mubammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan*

*kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik*" (al-Qur'an, Surah Ali- Imran 3 : 110 ).

Menurut Mohd Athiyah al-Abrasyi pula, pendidikan ialah proses pembentukan akhlak dan budi pekerti yang sanggup menghasilkan orang yang bermoral, mempunyai jiwa bersih, niat yang kuat, cita-cita yang benar dan akhlak yang tinggi, tahu erti kewajipan dan perlaksanaannya menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan buruk dan baik, memilih suatu fadilat kerana cinta pada fadilat, menghindari suatu perbuatan yang tercela kerana tercela, serta mengingati Tuhan dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan (EE Ah Meng 1989:5).

Pendidikan merangkumi pendidikan formal dan informal. Ia adalah pendidikan "sepanjang hayat". Pendidikan Informal sangat berkesan apabila ia di dalam pendidikan rumah tangga dalam lingkungan keluarga kerana di sinilah seorang Muslim mendapat asas-asas pembentukan peribadinya. Apabila pendidikan di dalam masyarakat, melalui proses sosialisasi seorang Muslim, tidak kurang besar pengaruhnya di atas pertumbuhan peribadi Muslim.

Berdasarkan takrif yang dikemukakan dapatlah dirumuskan bahawa pendidikan dan pengajaran merupakan metode dakwah yang paling penting sebab di dalamnya seorang pelajar dididik dan diajarkan untuk memahami al-Quran dan Hadith sebagai sumber dakwah yang utama. Sedangkan isi dan tujuan dakwah itu sendiri adalah memahami dan menanamkan ajaran al-Quran dan Hadith sebagai sumber pendidikan umat Islam. Selain itu dakwah juga adalah satu kegiatan seruan bagi tujuan membawa manusia kepada kebahagiaan, keadilan dan kemakmuran yang matlamat akhirnya mencapai keredaan Allah s.w.t. dalam kehidupan. Dengan cara ini dapatlah dikaitkan bahawa pendidikan dan dakwah juga membawa manusia kepada kebahagiaan dan matlamat terakhir untuk mencapai keredaan Allah s.w.t.

### **Kesan Dakwah melalui pendidikan**

Keberkesanan pendidikan juga berkait rapat dengan falsafah pendidikan dalam Islam. Ini kerana falsafah pendidikan dalam Islam memberi kesan pada pendidikan lebih-lebih lagi dalam

dakwah Islamiah. Al-Nahwi menjelaskan bahawa falsafah pendidikan dalam Islam merupakan satu kerangka teori yang berada di landasan *manhaj* Allah s.w.t. dalam lapangan pendidikan untuk membentuk, membina dan melatih manusia. Pendidikan ini ialah suatu proses untuk membina insan dari segi pemikiran, keimanan, intelektual, jasmani dan emosi bagi menyediakan manusia supaya dapat memikul amanah Allah s.w.t. dalam kehidupan dunia. Asas falsafah pendidikan dalam Islam menurut beliau ialah keimanan kepada Allah s.w.t. meninggikan kalimah Allah dan menyeru kepada jalan Allah, *manhaj rabbani* iaitu penghayatan kepada Al-Quran dan al-Sunnah, dan kesedaran dan penerokaan terhadap realiti alam dan manusia yang berteraskan kepada dua asas dia atas.

Kesan pendidikan dalam dakwah Islamiah ini akan lebih berkesan apabila merungkaikan cara berdakwah dalam Al-Quran bermaksud:

*"Serulah ke jalan tuhanmu (wabai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya tuhanmu dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk"* (al-Qur'an, Surah an-Nahl 125).

Sebelum menyampaikan dakwah, pendakwah harus mempelajari selok belok sasaran yang menerima dakwah melalui pendidikan yang disampaikan. Setelah keadaan sasaran dakwah diketahui dengan jelas oleh pendakwah, maka harus memilih tentang cara dakwah yang akan disampaikan kepada objek dakwah. Selain itu cara dakwah hendaklah disesuaikan dengan kepentingan penerima dakwah tersebut.

Kembali kepada cara dakwah dan huraian dalam surah an-Nahl ayat 125. Dapat disimpulkan bahawa cara berdakwah melalui pendidikan yang disampaikan akan memberi kesan dengan tiga cara pendekatan tersebut, iaitu berdakwah dengan hikmah, dakwah dengan nasihat pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang sebaik-baiknya.

Sebelum memberi kesan dalam dakwah melalui pendidikan, maka perlu kepada pendakwah atau pendidik mengetahui syarat sesuatu dakwah yang berkesan kepada sasaran. Syarat dakwah tersebut ialah:

1. Seorang pendakwah atau pendidik hendaklah dapat menunjukkan teladan, mempunyai sikap dan sahsiah yang menggambarkan keIslamannya. Syarat ini penting, kerana seorang pendakwah atau pendidik mestilah mempunyai ilmu yang dilihat mempunyai pengalamannya, sesuai dengan isi dakwahnya. Seseorang tidak mungkin memberikan sesuatu yang bernilai kalau ia sendiri tidak memiliki apa-apa untuk diberikan.
2. Keutamaan sasaran dakwah itu ialah kepada orang-orang Islam lebih dahulu, sebab kalau orang-orang Islam sudah dapat menerapkan nilai-nilai dan akhlak Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari, nescaya umat lain akan tertarik dengan sendirinya untuk menerapkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Perilaku orang Islam itu adalah seperti cahaya yang melintang di tengah-tengah kegelapan aliran-aliran yang sesat dan pemikiran-pemikiran yang menyimpang dari kebenaran. Keadaan yang sedemikian yang merupakan faktor utama yang mendorong umat-umat di luar Islam untuk mengkaji dan memikirkan kebenaran yang terkandung oleh ajaran Islam, dan setelah mereka menemui hakikat dan kebenaran yang tersebut maka dengan sukarela mereka pun dengan sendirinya tertarik untuk menganut agama yang dianut oleh pendakwah tersebut.
3. Pendakwah sepatutnya mengetahui hukum-hukum dan adab-adab Islam yang ada kaitannya dengan kegiatan dakwah. Ini bertujuan agar ia terhindar daripada menggunakan perasaannya sebagai panduan dalam kerja-kerja dakwah dengan modal atau panduan perasaan yang bukan panduan yang digariskan oleh Islam, akhirnya akan lebih banyak merosak daripada memperbaiki, lebih banyak membinasakan daripada merawat. Malah lebih dari itu, meskipun manusia dari Islam.

Oleh sebab itu pendidikan agama merupakan teras kepada pendidikan peradaban manusia. Kesan yang diperoleh dari pendidikan dalam dakwah Islamiah adalah suatu proses untuk melahirkan manusia yang seimbang dari segi intelek, jasmani dan emosi yang mampu bertindak dengan panduan batasan rohani. Keseimbangan pendidikan ini bersebuti dalam diri yang memberi kesan sehingga menyerlahkan peribadi mulia dan tinggi di sisi Allah s.w.t. dan manusia serta alam kehidupan dengan dakwah yang berkesan.

## KESIMPULAN

Dakwah melalui pendidikan merupakan salah satu metode dakwah yang paling penting sebab di dalamnya seorang pelajar dididik dan diajarkan untuk memahami al-Quran dan Hadith sebagai sumber dakwah yang paling penting dan utama. Sedangkan isi dan tujuan dakwah itu sendiri adalah memahami dan menanamkan ajaran al-Quran dan Hadith sebagai sumber umat Islam. Ini sebagai wasilah untuk melakukan dakwah dan memperkembangkan Islam.

**DAFTAR PUSTAKA**

- Abd Aziz Mohd Zin. 1999. Psikologi Dakwah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul al-Na'im Muhammad Husnin. 1984. Al-Dakwah Ila Allah 'ala Basirah, Dar al-Kutub al-Islamiah.
- Ah Meng, EE. 1989. Pendidikan di Malaysia untuk Guru Pelatih. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- H. Anthony Salmone. 1972. An Adrance Learners English Dictionary, Beirut: Li Baire Du Luban.
- Ibn Mandhur, al-'Allamah abi al-Fadl Jamal al-Din ibn Muhammad ibnu Mukram ibn Mandhur al-Afriqi al-misri. 1997. Lisan al-'Arab. Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Fikri.
- Ibnu Majah. Abu Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (T.T.) Sunan Ibni Majah. Juz 2. Beirut: Dar al-Fikri
- Jabatan Agama Islam Melaka. <http://jaim.melaka.gov.my>. 25 Disember 2010
- Jabatan Kemajuan Orang Asli daerah Alor Gajah & Jasin Melaka. 2010. Data maklumat bagi kampung Orang Asli Negeri Melaka
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. <http://www.jakoa.gov.my>. 29 Disember 2010
- Kamus Dewan. 2007. Ed ke 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamarul Azmi b. Jasmi. 2002. Paradigma Imam Al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad Al-Solihin. Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi bin Jaafar. 2011 Dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di daerah Alor Gajah, Melaka. Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual 23 Januari
- Muhammad Lokman Bin Che Din. 2011. Maklumat Orang Asli seluruh negeri Melaka. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Temubual 12 Januari
- Nur Isjohandi bin Ismail. 2011. Agama dan pendidikan Orang Asli. Temubual 25 Mei
- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia. <http://www.perkim.net.my>. 30 Disember 2010
- Shamsul Bahri Andi Galigo. 2006. Anjakan Paradigma Dakwah dalam Menghadapi Pelampau Agama. Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Toha Jahja Omar. 1971. Ilmu Dakwah. Widjaya Jakarta.